



1st NATIONAL CONFERENCE on SYSTEM OF RICE INTENSIFICATION (SRI) for Sustainable Rice Security and Heritage....

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PERTAMA
SRI (SYSTEM OF RICE INTENSIFICATION)
untuk Kelestarian Jaminan Bekalan Beras dan Warisan

5 -6 Julai, 2011

Hotel Palm Garden IOI Resort, Putrajaya.

PENDAHULUAN

Jaminan bekalan beras telah mendapat perhatian di Malaysia berikutan krisis makanan pada tahun 2008. Bekalan beras di Malaysia bukan sahaja merangkumi isu jaminan bekalan makanan yang baik dan mencukupi malahan juga dianggap sebagai isu berkaitan keselamatan negara dan juga akar umbi budaya dan teras warisan rakyat Malaysia. Isu dan keprihatinan terhadap bekalan dan ketersediaan beras serta kemampuan rakyat Malaysia untuk memperolehnya sering dijadikan alasan utama bagi mempertingkatkan pengeluaran beras tempatan ke arah mencapai matlamat keperluan beras negara sepenuhnya. Justeru, teknologi dan kaedah pengeluaran hasil pertanian telah maju ke arah "pertanian moden" dan variasi padi yang dengan pelbagai varieti padi, penghasilan yang tinggi dan baka yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim kesemuanya menjanjikan pulangan yang tinggi dan lumayan kepada para petani. Malah pengeluaran beras memang merupakan antara sektor yang mendapat subsidi paling tinggi di negara ini. Kini terdapat beberapa kaedah atau teknologi pengeluaran padi yang secara tidak langsung mengakibatkan Malaysia terpaksa berkompromi dari segi alam sekitar, manfaat sosio-budaya pesawah padi, dan juga keselamatan dan kesihatan pengeluar dan pengguna. Isu-isu tersebut akhirnya boleh menjadi ancaman kepada jaminan bekalan beras dan warisan tani di Malaysia.

Pengeluaran beras di Malaysia bukan sahaja amat bernilai dari segi ekonomi, malahan juga dari sudut sosio-budaya. Dari segi jaminan bekalan makanan, aspek "penerimaan" yang berkait rapat dengan nilai sosio-budaya juga perlu turut ditekankan.

LATARBELAKANG SISTEM INTENSIFIKASI PADI (SRI)

Sistem Intensifikasi Padi (*System of Rice Intensification* atau SRI), memang telah lama diterimapakai dan diamalkan secara meluas di negara-negara pengeluar padi yang utama di dunia. Berasaskan falsafah dan kaedah pertanian semulajadi, SRI menitikberatkan dan memberi penghargaan kepada ekosistem tempatan, biodiversiti, dan terutamanya penjimatan air. SRI juga telah terbukti dari segi kecekapan untuk menangani keperluan jaminan bekalan beras dan nilai warisan budaya-tani padi.

Professor Norman Uphoff dari Cornell University, yang akan menyampaikan Ucaptama di Persidangan ini, menyatakan bahawa SRI bukan dianggap sebagai teknologi dan tidak juga disajikan kepada petani sebagai teknologi piawai. Maka dengan ini, ia boleh digunapakai dengan pelbagai penyesuaian mengikut keadaan setempat dan inovasi oleh petani yang mengamalkannya. SRI yang berasal dari Madagascar telah mengalami evolusi selama 30 tahun dan aplikasinya kian meningkat di seluruh dunia sejak tahun 2000. Yang penting di sini bahawa kaedah SRI telah memacu para petani untuk meningkatkan daya pengeluaran padi berasaskan sistem pengairan yang jimat dan cekap, hanya dengan membuat sedikit pengubahsuaian kepada cara pengurusan tanah, air, nutrien dan tanaman, dan bukannya melalui peningkatan input (kos) seperti baja, air dan agrokimia. Ini bererti petani mendapat hasil padi yang lumayan dengan kos yang rendah dan menjimatkan.

PENGENALAN KEPADA PERSIDANGAN

Persidangan ini memberi penekanan kepada pertimbangan manfaat sosio-ekonomi jangka-panjang yang boleh diperolehi melalui penggunaan kaedah SRI untuk pengeluaran padi di Malaysia. Memang diakui bahawa langkah ini amat memerlukan pelan tindakan yang melibatkan *stakeholder* pengeluaran padi dan penggunaan beras di semua peringkat. Pelan dinamik yang mengambilkira masa depan semua pihak akan disediakan oleh para pembentang berpengalaman. Dengan demikian, ia akan memberi gambaran mengenai dinamik SRI dan relevannya kepada masyarakat di Malaysia. Dengan itu, persidangan ini mengakui perlunya:

- ❖ Huraian aspek saintifik, teknikal dan politik yang berhubungkait dengan pengeluaran padi
- ❖ Pemastian keutuhan kehidupan ekonomi pesawah, masyarakat petani dan konsumen
- ❖ Pemastian kelestarian sumber asli dan pemuliharaan persekitaran
- ❖ Menerapkan polisi negara ke dalam program pembangunan desa
- ❖ Memantau keberkesanan polisi fiskal untuk memastikan jaminan bekalan beras dan ekonomi desa
- ❖ Membentuk kesedaran awam mengenai isu pengeluaran beras dan kerelevanan SRI

TUJUAN DAN OBJEKTIF

Persidangan ini umumnya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman, terutama di kalangan pengamal SRI di Malaysia, dengan perbincangan yang menumpu kepada cara-cara menempatkan SRI sebagai salah satu alternatif dalam memastikan jaminan bekalan beras di negara ini. Penekanan diberi kepada kaedah SRI, khususnya, oleh kerana ia mempunyai pelbagai fungsi bukan sahaja dalam menangani cabaran jaminan bekalan beras dan makanan, malahan juga membawa manfaat sosio-ekonomi, pembangunan desa lestari dan pemuliharaan warisan budaya Malaysia,

Tujuan khusus Persidangan ini adalah:

- Berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai pertanian mapan yang berasaskan biodiversiti dan ekologi
- Menekankan peranan faktor-faktor utama dalam pengeluaran padi seperti tanah, air, perosak dan penyakit, varieti biji benih, iklim, dll., dan kesan faktor-faktor tersebut terhadap pengeluaran padi secara mapan.
- Meningkatkan keupayaan masyarakat pesawah padi supaya produktif dan berdaya tahan, melalui pembangunan sosio-ekonomi lestari yang berasaskan pelbagai kegiatan ekonomi.
- Mempromosi dan menempatkan SRI sebagai salah satu daripada strategi utama untuk menangani jaminan bekalan makanan di Malaysia

PROGRAM TENTATIF

5 Julai 2011 (Selasa)

0810-0900	Pendaftaran
0900-0930	Kertas Plenari I: SRI for Community Development Prof Norman Uphoff, <i>Cornell International Institute for Food, Agriculture and Development (CIIFAD)</i>
0930-1000	Kertas Plenari II: Pertanian Ekologi Kaedah SRI Hj Anuar Hj Yahya & Ahmad Jatika, <i>FELCRA Training and Consultancy (FTC), Nusantara Organic SRI Centre (NOSC)</i>
1000-1015	Jamuan teh

SESI 1

1015-1030	Peranan Mikrob dalam Pertanian Ekologi dan SRI Prof Iswandi Anas, <i>Institut Pertanian Bogor (IPB)</i>
1030-1045	Penjimatian Air Melalui Kaedah SRI Ir Mohamad Zaki Bin Mat, <i>Jurutera Perunding Zakie Sdn Bhd</i>
1045-1100	Menangani Perosak Melalui Pertanian Bersepadu Kaedah SRI Prof Maimon Abdullah, Dr Norela Sulaiman, PM Dr Anizan Isahak, <i>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>
1100-1115	Logam berat dalam padi Dr Habibah Hj Jamil & PM Dr Khairiah Jusoh, <i>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>
1115-1130	Penjaminan Kualiti Beras: Kajian SRI Prof Aminah Abdullah & Nur Haqim Ismail, <i>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>
1130-1145	The Future of Rice Production: Sustainable Rice Security and Rural Livelihoods for Malaysia? Anni Mitin, <i>Southeast Asian Food Security and Fair Trade (SEACON)</i>
1145-1230	Sesi tanya-jawab
1230 -1400	<i>Business matching/roadshow SRI</i> Jamuan tengahari

1400-1530	Forum: Pengalaman SRI di Malaysia – Kelantan, P. Pinang, Sabah • Aep Saipudin b. Sukriadi, <i>Sunnah Tani Enterprise-Kelantan</i> • Prof. Dr Asarudin Hj Ashari • Lo Suet Lin, <i>GQ1 Management Sdn Bhd</i>
-----------	--

1530-1600	Jamuan Teh
1600-700	Forum: Pengalaman SRI di Malaysia – Selangor, Kedah, Melaka • Hj Marzuki Mat Zain, <i>Kedah Economic Development Authority (KEDA)</i> • Puan Noorazimah Taharim, <i>Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI)</i> • PM Dr Anizan Isahak, <i>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i>

6 Julai 2011 (Rabu)

SESI 2

0900-0915	Peranan IT dalam Penyebaran SRI Dr Zakirah Othman, <i>Universiti Malaya (UM)</i>
0915-0930	Peningkatan Upaya Generasi Muda Melalui Kaedah SRI Pn Salwati Mohd Ariffin, <i>Kumpulan Peladangnya Unit Senak-Kelantan</i>
0930-0945	Program Latihan untuk Sokongan kepada Pengembangan Pertanian Ekologi Kaedah SRI Hj Rohaizat Ahmad, <i>FELCRA Training and Consultancy Sdn Bhd (FTC)</i>
0945-1000	Sesi tanya-jawab
1000-015	Jamuan teh

SESI PERBINCANGAN

1015-1130	Perbincangan Cabaran SRI di Malaysia
1130-1145	Rumusan
1145 - 1230	Penyempurnaan Persidangan dan Pelancaran Gagasan SRI-Mas
1230 - 1400	Jamuan tengahari

PENDAFTARAN

Kini dibuka sehingga **28 Jun 2011**. Sila hubungi Sekretariat untuk maklumat selanjutnya.

Penganjur:



Sekretariat Persidangan Kebangsaan Pertama SRI

Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.

Tel : +6012-5371623 (Tan Ju Li), +6012-7809150 (Koh Siew Min) or +603 -89215397

Fax: +603 -89215490 (UP: Dr Anizan, Tan Ju Li, Koh Siew Min)

Email: blu3pumpkin_22@hotmail.com, siewmin413@yahoo.com

Facebook: SRI-Mas <https://www.facebook.com/pages/SRI-Mas/>